

**STRATEGI PELAKSANAAN  
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT  
PEMBELAJARAN**

**NAMA PUSAT : DISCOVERY**  
**FUNGSI : DISCOVERY @ PENEROKAAN**  
**TAJUK : BOOM LU LU !**

<b>BI L</b>	<b>PERKARA</b>	<b>CATATAN</b>	
1.	<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	SA 1.1	Menunjukkan sikap saintifik dan nilai murni
2.	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	SA 1.1.1	Menunjukkan sikap ingin tahu dan bekerjasama
		MA 1.5.1	Menjelaskan ketekalan panjang, jisim , isipadu
3.	<b>STREAM</b>	<b>S</b>	Pemerhatian proses letusan larva gunung berapi.
		<b>T</b>	Serbuk soda bikarbonat, cuka, pewarna sirap ros dan cecair pencuci.
		<b>R</b>	Bekerjasama , bertolak –ansur, sabar
		<b>E</b>	Menjana idea penghasilan larva
		<b>A</b>	Mencipta larva
		<b>M</b>	Menyukat isipadu bahan-bahan.
4.	<b>OBJEKTIF PEMBELAJARAN</b>	Kanak-kanak dapat membuat memerhatian letusan larva gunung berapi.	
5.	<b>BBM</b>	Model gunung berapi, gambar keratan gunung berapi, serbuk soda bikarbonat, cuka makan, pewarna sirap ros, cecair pencuci Joy, sarung tangan, apron, cermin mata, sudu plastik.	
6.	<b>NILAI MURNI</b>	Yakin, faham perasaan diri sendiri, bekerjasama,	

O

7.

**STRATEGI PELAKSANAAN**

1. Kanak-kanak mendengar penerangan daripada guru tentang aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan.
2. Kanak-kanak diperkenalkan bahan-bahan untuk menghasilkan larva gunung berapi.
3. Kanak-kanak dibahagikan kepada 2 kumpulan.
4. Guru membuat demonstrasi langkah-langkah penghasilan letusan larva gunung berapi ;

**Langkah 1**

Masukkan 4 sudu makan soda bikarbonat ke dalam dalam gunung berapi.

**Langkah 2**

Masukkan 5 sudu cecair pencuci ke dalam gunung berapi

**Langkah 3**

Masukkan 5 sudu makan pewarna ros ke dalam gunung berapi

.

**Langkah 4**

Masukkan 30 ml cecair cuka ke dalam gunung berapi. Larva akan melodak keluar dari gunung berapi.

5. Kanak-kanak melakukan eksperimen letusan gunung berapi dengan bimbingan guru.
6. Kanak-kanak berbincang bersama guru tentang aktiviti yang dijalankan dan pengalaman mereka semasa pemerhatian.
7. Kanak-kanak melukis semula letusan gunung berapi di dalam jurnal masing-masing.

**Nota:**

\* Aktiviti ini boleh dijalankan selama 60 minit mengikut kesediaan kanak-kanak

TABIKA KEMAS PINTAR STREAM MAWAR 1

